

08 FEB 2001

Perpaduan Melayu

PERTEMUAN PERPADUAN MELAYU UMNO-PAS TUNJUK TANDA POSITIF

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Pertemuan perpaduan Melayu yang dicadangkan antara Umno dan Pas menunjukkan tanda-tanda positif untuk menjadi kenyataan memandangkan perbincangan setiausaha agung kedua-dua parti itu di sini hari ini disifatkan sebagai memuaskan oleh kedua-dua pihak.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan rakan sejawatannya daripada Pas Haji Nasharudin Mat Isa tersenyum lebar ketika turun bersama dalam satu lif selepas berbincang selama kira-kira dua setengah jam mengenai format dan rangka perbincangan bagi pertemuan itu di sebuah hotel di sini.

Khalil berkata, kedua-dua belah pihak telah mengemukakan beberapa pendekatan dan cadangan asas bagi menjayakan pertemuan itu dan akan melaporkannya kepada parti masing-masing untuk pertimbangan dan persetujuan.

"Perbincangan ini ialah untuk mengesyorkan dan membawa kepada keputusan Jawatankuasa Agung Pas dan Biro Politik Umno, jadi itu sahaja," katanya kepada pemberita yang menunggu sejak tengah hari untuk mengetahui hasil perbincangan itu.

"Pertemuan berlangsung dalam suasana yang sangat muhibah dan telah mengemukakan beberapa perkara untuk dijadikan cadangan asas kepada pertemuan kedua-dua pemimpin dan rombongan," kata Khalil.

Ditanya mengenai kemungkinan pemimpin kedua-dua parti itu bertemu selepas ini, Khalil meminta pihak media supaya menunggu berita lanjut selepas kedua-dua belah pihak memberi taklimat kepada pemimpin parti masing-masing.

Sementara itu Nasharudin berkata, perbincangannya dengan Khalil hari ini adalah positif.

"Bagus, puas hati, macam tadi dia (Khalil) sebut kita boleh berjalan sekali," katanya ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan perbincangan hari ini.

Kedua-dua setiausaha agung itu bagaimanapun enggan menghuraikan butiran perbincangan hari ini sehingga dimaklumkan terlebih dahulu kepada parti masing-masing.

Khalil diiringi oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Datuk Dusuki Ahmad, Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan pengurus pentadbiran ibu pejabat Umno, Abu Khamis.

Nasharuddin pula diiringi anggota jawatankuasa kerja PAS pusat Dr Mohd Hatta Ramli, Setiausaha Perhubungan Pas Pahang Dr Abdul Wahab Ismail dan Pengarah Urusan Harakah (akhbar rasmi PAS) Datuk Hishamuddin Yahya.

Khalil ketika ditanya lagi sama ada perbincangan hari ini turut menyentuh soal memperluaskan skop perbincangan kepada perpaduan nasional seperti yang dicadangkan oleh Pas sebelum ini, Khalil berkata: "Kami membincangkan soal perpaduan."

Katanya, kedua-dua belah pihak akan mengadakan satu pertemuan ringkas selepas mereka memberi taklimat kepada pemimpin parti masing-masing.

Nasharudin sebelum ini telah dilaporkan berkata bahawa pihak Pas akan mencadangkan pada perbincangan dengan Umno, supaya skop perbincangan bagi pertemuan perpaduan Melayu itu diperluaskan untuk merangkumi perpaduan nasional.

Cadangan pertemuan perpaduan Melayu itu timbul Disember lalu untuk mengukuhkan kembali perpaduan orang Melayu yang agak terjejas akibat

perbezaan fahaman politik.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor awal bulan lepas secara terbuka menyatakan persetujuan pihak masing-masing untuk mengadakan pertemuan tersebut.

Majlis Tertinggi UMNO memutuskan pada 12 Jan lepas supaya pertemuan itu diadakan dan mengarahkan Khalil selaku setiausaha agung parti berurusan dengan rakan sejawatannya Nasharudin bagi mengatur pertemuan tersebut.

-- BERNAMA

AFY ZS NMO